


Teknik Komunikasi Berkesan dalam Keluarga

Anak yang dilahirkan merupakan amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada kedua-dua ibu bapa. Oleh itu, ibu dan bapa mempunyai tanggungjawab untuk mendidik anak mengikut panduan yang ditetapkan oleh al-Quran dan sunah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua-dua ibu bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi." (Hadis riwayat al-Bukhari, no.1385).

Komunikasi yang baik amat penting dalam pembentukan keperibadian anak. Umum mengetahui bahawa anak sangat memerlukan kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa. Namun begitu, pada hari ini, kita dapat saksikan bahawa komunikasi antara anak dengan ibu bapa semakin jauh jurangnya. Kesibukan ibu bapa mencari rezeki, pengaruh media sosial dan teknologi, serta perceraian ibu bapa pada usia muda merupakan antara faktor kurangnya terjalin komunikasi antara kedua-dua pihak.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa anak pada masa ini banyak berkomunikasi di hadapan televisyen, peranti dan permainan dalam telefon pintar berbanding dengan melakukan komunikasi dua hala bersama-sama keluarga. Secara tidak langsung, penggunaan media sosial dan teknologi boleh menyebabkan anak kurang berkomunikasi dengan individu lain. Sebagai akibatnya, banyak kesan negatif yang timbul seperti masalah sosial, trauma terhadap perceraian ibu bapa dan pembelajaran yang tidak sempurna. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan bahawa pada tahun 2024, sejumlah 269



rang murid sekolah rendah di seluruh negara
 ati belum mencapai tahap penguasaan dalam
 hiran membaca, menulis dan mengira yang
 ali sebagai 3M.
 luarga sejahtera ialah keluarga yang senantiasa
 unikasi secara sihat meliputi pemikiran
 erasaan. Secara tidak langsung komunikasi
 akan komponen penting apabila terdapat
 lah yang timbul antara ahli keluarga. Komunikasi
 berkesan akan membina pemahaman dan
 cayaan antara ibu bapa dengan anak. Hal ini
 olehkan ibu bapa mengenal

rentak dan personaliti anak dengan lebih baik dan
 berkesan.

Sebagai ketua keluarga, menjadi tanggungjawab
 ibu bapa untuk menjadi contoh teladan kepada anak
 bagi membetulkan kepincangan yang berlaku dalam
 institusi keluarga. Islam mengajarkan umatnya agar
 membentuk komunikasi yang efektif bermula daripada
 pembentukan sendiri anak di rumah. Dalam hal ini,
 ibu bapa perlu menjadikan kisah yang diceritakan oleh
 Allah SWT dalam *Surah Luqman* sebagai contoh dan
 inspirasi untuk mendidik anak.

Menurut Sobkowiak (1998),
 komunikasi merupakan suatu
 proses yang melibatkan penciptaan,
 pemprosesan dan pertukaran
 maklumat antara sesama individu,
 kumpulan dan organisasi sosial.
 Tujuan utama komunikasi adalah
 untuk menghasilkan hubungan
 komunikasi yang berterusan dan
 dinamik, serta mengubah atau
 menukar pengetahuan, sikap dan
 tingkah laku agar sejajar dengan
 nilai dan kepentingan yang berkaitan
 dalam pelbagai interaksi.

Al-Quran merupakan mukjizat yang
 diturunkan oleh Allah SWT kepada
 Nabi Muhammad SAW melalui
 perantaraan malaikat Jibril. Penurunan
 kitab al-Quran bukan sahaja
 meliputi aspek ibadat, tetapi juga
 aspek syariah, akhlak dan akidah.
 Terdapat banyak inti pati yang boleh
 dinsipirasikan dalam al-Quran yang
 boleh dimanfaatkan bersama-sama.

Akan tetapi, aspek yang akan ditekankan dalam
 penulisan ini adalah tentang nasihat Luqman
 al-Hakim kepada anaknya. Luqman al-Hakim ialah
 seorang hamba yang taat dan tekun beribadat
 kepada Allah SWT, serta diberikan kebijaksanaan
 dan hikmah. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
 dalam *Irsyad al-Fatwa Siri Ke-246* menjelaskan,
 jumurh ulama bersepakat bahawa Luqman al-Hakim
 merupakan hamba yang soleh yang diberikan
 kebijaksanaan, dan nasihat beliau pada anaknya telah
 dirakamkan dalam al-Quran.

Dalam *Surah Luqman* ayat 13 hingga ayat 19
 diperincikan segala nasihat, harapan dan kasihnya
 seorang ayah kepada anaknya. Daripada keseluruhan

Dengan menjadi
 personaliti yang
 berterus terang
 dan jujur, seseorang
 ayah boleh
 menyampaikan
 arah tuju,
 memberikan
 maklum balas
 tentang tingkah
 laku anak, dan
 menyuarakan
 kebimbangan tanpa
 menyebabkan
 kekeliruan atau
 tafsiran yang salah.



ayat tersebut, didapati bahawa teknik komunikasi dijelaskan secara terang tanpa isi tersirat. Antara kelebihan menggunakan gaya komunikasi langsung dalam konteks komunikasi keluarga termasuklah dapat menyampaikan mesej dengan jelas tanpa kekeliruan. Dengan menjadi personaliti yang berterus terang dan jujur, seseorang ayah boleh menyampaikan arah tuju, memberikan maklum balas tentang tingkah laku anak, dan menyuarakan kebimbangan tanpa menyebabkan kekeliruan atau tafsiran yang salah. Hal ini secara langsung dapat membina kepercayaan antara ayah dengan anak, dan membantu memperkuatkan hubungan antara mereka.

Kita dapat lihat bahawa penggunaan kata “anak kesayanganku” yang diamalkan oleh Luqman al-Hakim dapat menyentuh hati sanubari anaknya untuk diberikan pesanan yang mendalam. Menjadi iktibar kepada kita untuk memanggil anak dengan gelaran penuh kasih sayang berbanding memanggil dengan nama yang diberikan. Apabila hati anak dapat dipegang atau disentuh, barulah Luqman al-Hakim meninggalkan pesanan yang ringkas dan padat. Sebuah komunikasi yang jelas akan berkesan sekiranya arahan tersebut padat dan menuju matlamatnya. Yang berikut merupakan pesanan mulia Luqman al-Hakim kepada anaknya sebagaimana yang terkandung dalam *Surah Luqman* ayat 13 hingga ayat 19:

1 Tidak Mensyirikkan Allah yang Maha Esa

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberikan nasihat kepadanya: ‘Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu satu kezaliman yang besar.’” (*Surah Luqman* 31:13).

2 Berbuat Baik kepada Ibu bapa

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya; ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusukannya), dan tempoh menceraikan susunya adalah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian)

bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).” (*Surah Luqman* 31:14).

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud, “Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau menyekutukan dengan-Ku sesuatu yang engkau – dengan fikiran sihatmu – tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jal orang yang rujuk kembali kepada-Ku (dengan tauhid dan amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.” (*Surah Luqman* 31:15).

3 Menjaga Tatacara Perbuatan daripada Sekecil-kecil Urusan

Firman Allah SWT yang bermaksud, “(Luqman menasihati anaknya dengan berkata): ‘Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta tersembunyi di dalam batu besar atau di langit ataupun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas-Nya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya; lagi Amat Meliputi aka segala yang tersembunyi.’” (*Surah Luqman* 31:16).

4 Dirikan Solat, Amar Makruf Nahi Mungkar dan Bersabar Menghadapi Musibah Ujian

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara yang dikehendaki di ar berat melakukannya.” (*Surah Luqman* 31:17).

5 Berlaku Ihsan kepada Manusia

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan

lagak sombong; sesungguhnya Allah tidak
 kepada tiap-tiap orang yang sombong
 bur, lagi membanggakan diri.” (Surah Luqman
 18).

Bersederhana dalam Perbuatan

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan
 derhanakanlah langkahmu semasa berjalan,
 rendahkanlah suaramu (semasa berkata-
 ta), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah
 ara keldai.”(Surah Luqman 31:19).



Komunikasi dua hala yang berkesan dapat mengeratkan hubungan antara anak dengan ibu bapa.

Jelas bahawa komunikasi merupakan suatu perkara yang diiktiraf dalam al-Quran bagi menguatkan perhubungan antara ahli keluarga. Hal ini bukan sahaja dari sudut kekeluargaan, malahan dari sudut hubungan manusia dengan manusia lain. Kesedaran tentang nasihat Luqman al-Hakim ini sekali gus menjadi cabaran kepada ibu bapa bagi membina karakter dan keperibadian anak. Oleh itu, ibu bapa perlu menambah baik sistem komunikasi dua hala bersama-sama anak agar perkembangan mereka bertambah baik dari sudut personaliti dan kasih sayang.

Iktibar Surah Luqman menjadi satu contoh dan refleksi yang baik kepada ibu bapa dalam usaha merencanakan kehidupan anak agar selamat bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat. Pesanan ringkas ini mencakupi nilai modal insan, larangan melakukan perkara syirik, keperluan berbuat baik kepada kedua- dua ibu bapa dan takwa dalam sekecil-kecil urusan kerana ketua keluarga akan menjadi orang yang dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak. Hayatilah ayat 6 daripada Surah al-Tahrim yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarannya manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

Bersama-samalah kita mengamalkan doa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai satu pengharapan agar selamat di dunia dan di akhirat, dan dapat bersatu dengan ahli keluarga tersayang di alam yang tiada kesedihan, tiada kematian dan tiada hal yang mendukacitakan, iaitu alam yang diimpikan oleh setiap Muslim, yakni syurga yang kekal abadi. “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab neraka.” (Surah al-Baqarah 2:201).

Nasihat Luqman al-Hakim kepada Anaknya



ah Pesanan Luqman al-Hakim kepada anaknya.